

06 JUL 1998

Mahathir-Islam

JADIKAN ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jika umat Islam hari ini merasakan diri mereka tertekan, dihina dan dijajah secara langsung atau tidak langsung, ia adalah kerana mereka tidak menjadikan Islam sebagai addin atau cara hidup.

"Jika hari ini kita umat Islam tidak lagi berjaya, bahkan kita ketinggalan zaman, lemah dan dijajah orang lain, sebabnya ialah kerana kita tidak menjadikan Islam sebagai addin, sebagai cara hidup," kata Perdana Menteri ketika merasmikan majlis sambutan Maulidur Rasul di Pusat Islam di sini hari ini.

Oleh kerana cara hidup yang diamalkan tidak Islam secara menyeluruh, sebaliknya terhad kepada perkara-perkara tertentu sahaja, maka mereka tidak mencapai kebahagiaan hidup seperti yang sepatutnya bagi umat yang menganggap Islam sebagai addin.

"Keadaan kita sekarang jauh berbeza daripada umat Islam dalam beberapa abad awalan di mana mereka begitu berjaya sehingga dapat menguasai dunia bukan sahaja secara fizikal tetapi juga secara mental," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata pada hari umat Islam menyambut Maulidur Rasul hendaklah mereka mengingatkan diri mereka betapa tidak menyeluruh pegangan mereka kepada ajaran Islam.

Beliau berkata ada yang berpendapat bahawa untuk mengamalkan cara hidup Islam, umat Islam mesti membuat ibadat "ritual" tertentu.

"Mereka akan berkata kita akan hidup bahagia jika kita lebihkan amal ibadat tertentu ini. Mereka berkata amalan ibadat ini akan menentukan tempat kita di akhirat walaupun tidak di dunia. Dunia adalah untuk orang lain. Akhirat adalah untuk kita. Justeru itu anggaplah usaha di dunia ini sebagai sekular, tidak Islam dan tolakkan semuanya," katanya.

Perdana Menteri berkata ajaran Islam yang dibawa Nabi Muhammad SAW tidak terhad kepada ibadat tertentu sahaja dan jika ia terhad kepada ibadat ini, ia tidak boleh menjadi cara hidup.

Beliau bertanya: "Apakah memadai jika umat Islam hanya tahu membuat ibadat sahaja dan menghabiskan sepanjang masa untuk amalan ibadat tertentu semata-mata? Apakah umat Islam dapat hidup sempurna jika tidak tahu bercucuk-tanam, menternak, menangkap ikan, mengeluarkan bahan makanan secara besar-besaran untuk jumlah umat yang berjuta-juta?"

"Apakah umat Islam tidak perlu menguasai dan mengembangkan ilmu perubatan dan kesihatan? Apakah umat Islam tidak perlu menguasai semua ilmu yang boleh menolong menyelamatkan dan mempertahankan umat Islam dan negara-negara Islam?"

Dr Mahathir berkata ramai umat Islam yang menganggap Islam sebagai bekalan untuk maut semata-mata atau bekalan untuk akhirat.

Malangnya bekalan itu mungkin tidak mencukupi kerana kita telah meninggalkan sebahagian besar daripada ajaran Islaam seperti yang terdapat dalam Al-Quran.

"Apakah tempat kita di akhirat jika kita hanya mengamalkan separuh sahaja daripada ajaran Islam? Apakah kita tidak bersalah jika kita mengenyepikan, bahkan menolak bahagian kita di dunia sepertimana yang dituntut daripada kita?" tanya beliau.

Perdana Menteri berkata dalam Al-Quran, berkali-kali di sebut berkenaan alam sekeliling, bukit-bukau, awan dan hujan yang menyuburkan bumi.

"Tetapi jarang sekali ada alim ulama yang menjelaskan tentang perkara-perkara ini seolah-olah ajaran Islam seperti yang terdapat dalam

Al-Quran ada yang penting dan ada yang boleh diketepikan," katanya.

Tidak ada penekanan diberikan kepada perkara-perkara itu sepertimana yang diberi kepada hukum hakam, soal seks, wanita dan seumpamanya.

Perdana Menteri juga berkata umat Islam tidak boleh berharap mereka boleh berjaya tanpa usaha yang gigih dan perasaan tidak mengenal kecewa.

"Kita harus berusaha lebih daripada Nabi kerana kita bukan Nabi pilihan Allah s.w.t.," katanya.

Dr Mahathir berkata Islam mengajar umatnya untuk berlapang dada apabila menghadapi sesuatu kesusahan dan kesempitan.

"Tidak semua cita-cita dan impian akan dapat dicapai dalam sekelip mata. Tetapi usaha dan tekad mestilah diteruskan sehingga kejayaan dicapai."

Katanya kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang mengajar umat Islam menginsafi diri untuk lebih bertenang dan bertindak secara positif dan berwawasan.

Mereka masih bersyukur kerana kegawatan yang berlaku tidaklah separah negara-negara lain yang ditimpa berbagai-bagai bala bencana seperti rusuhan, peperangan dan bencana alam.

"Sekurang-kurangnya kesusahan yang kita hadapi sekarang ini dapat menginsafkan diri kita terhadap kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'ala dan berdoa kepadanya agar segalanya dapat dipulihkan seperti sediakala," katanya.

-- BERNAMA

ES RON